

Diterbitkan oleh:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tanas

Pembentuk Generasi Berkoperasi

GAGASAN



EDISI 01/2025

**Mengangkat Inovasi,
Memacu Hala Tuju:
Tonggak Kejayaan
Koperasi SMK Agama
Kuala Lumpur Berhad**

**Koperasi SMK Bandar
Banting Berhad Miliki
Bas Secara Tunai**

**Koperasi SMK
Bandar Tasik Puteri
Rawang Berhad:
Legasi Keusahawanan
Sekolah ke Peringkat
Gemilang**

**Revolusi
Pendapatan
Koperasi Sekolah
- Koperasi MRSM
Kuala Klawang
Berhad**



DARI MEJA PENGARANG



Tunas
GAGASAN

MAJALAH TUNAS GAGASAN
EDISI 01/2025

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SKM

Noor Afifah binti Abdul Razak

KETUA EDITOR

Nor Azam bin Md Salleh

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

EDITOR

Mohd Firdaus bin Shaari

Noor Azura binti Maslan

Arif Asyraf bin Mohammed Khalim

Sairul Nurul Huda Idayu binti Saifudin

Mohd Affandy bin Amir

Norhaslinda binti Mohd Isa

EDARAN DAN PENERBITAN

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Berkoperasi

SELAMAT datang kami ucapkan kepada semua pembaca setia *Majalah Tunas Gagasan*, khusus buat **Edisi 1 Tahun 2025!** Dengan rasa syukur dan semangat yang membara, kami bawakan kepada anda himpunan kisah inspirasi, kejayaan dan pandangan jauh dari landskap koperasi Malaysia yang semakin dinamik.

Dalam edisi kali ini, kita akan bersama menyelami intipati '*Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia*' yang telah menggariskan fokus utama kita: **Koperasi Sekolah Sebagai Pemangkin Keusahawanan dan Transformasi Ekonomi Anggota**. Perutusan ini bukan sekadar bicara tetapi satu seruan untuk kita terus bergerak ke hadapan, mendepani cabaran dan meneroka peluang baharu dalam ekosistem koperasi.

Antara sorotan utama dalam edisi ini termasuklah pelbagai inisiatif koperasi yang berjaya membawa Koperasi Sekolah Sebagai Pemangkin Keusahawanan dan Transformasi Ekonomi Anggota:

- *Koperasi SMK Agama Kuala Lumpur Berhad* yang menerajui inovasi digital, menjana pendapatan jutaan ringgit sambil membina pusat pembelajaran canggih.
- *Koperasi SMK Bandar Banting Berhad* yang mengekalkan disiplin tinggi dalam pengurusan, berjaya memiliki bas sekolah secara tunai serta membuka peluang praktikal kepada pelajar.
- *Koperasi SMK Bandar Tasik Puteri Rawang Berhad* yang menggabungkan tradisi dan teknologi, mencipta rekod cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan sebagai legasi keusahawanan.
- *Koperasi SM Meru Klang Berhad* yang membuktikan keuntungan tinggi seiring dengan nilai kerjasama dan kebajikan, merubah koperasi sekolah menjadi sumber inspirasi.
- *Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad* yang meluaskan inovasi produk dan perkhidmatan, seperti sewaan mesin dobi dan jubah konvokesyen, menambah sumber pendapatan yang pelbagai.

Setiap koperasi ini menjadi contoh bahawa dengan semangat dan kreativiti, koperasi sekolah mampu menjadi pemangkin utama dalam memupuk keusahawanan dan memperkasa ekonomi komuniti generasi muda.

Kepada pelajar dan guru yang budiman, semoga kisah-kisah ini menjadi sumber inspirasi dan dorongan untuk terus berusaha dan berinovasi. Ingatlah, setiap langkah kecil dalam koperasi sekolah boleh membuka peluang besar ke arah kejayaan yang lebih gemilang. Bersama-sama, kita bangunkan modal insan yang kreatif, berdikari dan bertanggungjawab demi masa depan yang cemerlang.

Semoga penerbitan *Majalah Tunas Gagasan* Edisi 1/2025 ini memberikan inspirasi dan pengetahuan baharu kepada semua. Marilah kita terus bersama mendukung dan memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia, demi mencapai visi koperasi yang mapan, berdaya saing dan inklusif.

Selamat membaca dan terus berinovasi!

Yang Ikhlas,

Nor Azam Bin Md Salleh

Ketua Editor

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Kandungan

EDISI 01/2025

4 | PERUTUSAN

Koperasi Sekolah Sebagai Pemangkin Keusahawanan dan Transformasi Ekonomi Anggota

5-7 | RENCANA UTAMA

Mengangkat Inovasi, Memacu Hala Tuju: Tonggak Kejayaan Koperasi SMK Agama Kuala Lumpur Berhad



8-9 | INOVASI

Koperasi SMK Bandar Banting Berhad
Miliki Bas Secara Tunai



10-11

Koperasi SMK Bandar Tasik Puteri
Rawang Berhad: Legasi Keusahawanan
Sekolah ke Peringkat Gemilang



12-13 | INSPIRASI

Transformasi Koperasi Sekolah:
Dari RM500 ke Pendapatan Hampir RM1 Juta - Koperasi
SM Meru Klang Berhad



14-15

Revolusi Pendapatan Koperasi Sekolah
- Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad





Koperasi Sekolah Sebagai Pemangkin Keusahawanan dan Transformasi Ekonomi Anggota

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dipertemukan dalam keluaran sulung *Majalah Tunas Gagasan* bagi tahun 2025. Majalah ini diterbitkan khas sebagai wadah informasi, inspirasi dan panduan khusus buat koperasi sekolah di seluruh negara, dengan harapan agar ia menjadi sumber rujukan yang bernilai dalam memperkasa peranan koperasi sebagai agen perubahan dan pemangkin pembangunan ekonomi pelajar dan warga sekolah.

Tema yang dipilih bagi edisi ini — “Koperasi Sekolah Sebagai Pemangkin Keusahawanan dan Transformasi Ekonomi Anggota” — mencerminkan komitmen Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam menyokong pertumbuhan koperasi sekolah yang bukan sahaja berdaya maju, malah berupaya membentuk minda keusahawanan dalam kalangan generasi muda. Koperasi sekolah kini bukan lagi sekadar menjalankan aktiviti jual beli di kantin atau kedai buku, tetapi telah berkembang menjadi organisasi yang mampu memelopori inovasi, mencipta peluang ekonomi, dan menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan anggotanya.

Antara sorotan utama dalam edisi ini ialah kejayaan lima koperasi sekolah yang menjadi contoh kepada kecemerlangan dan inovasi dalam gerakan koperasi. Koperasi SMK Agama Kuala Lumpur Berhad muncul sebagai peneraju inovasi digital dengan menjana pendapatan jutaan ringgit serta membina pusat pembelajaran canggih. Koperasi SMK Bandar Banting Berhad pula menonjol dalam aspek tadbir urus berdisiplin apabila berjaya memiliki bas sekolah secara tunai dan menyediakan peluang pembelajaran praktikal kepada pelajar. Di samping itu, Koperasi SMK Bandar Tasik Puteri Rawang Berhad menggabungkan tradisi dan teknologi sehingga mencipta rekod cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan, manakala Koperasi SM Meru Klang Berhad membuktikan bahawa keuntungan kewangan boleh dicapai seiring nilai kerjasama dan kebajikan. Tidak ketinggalan, Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad menunjukkan keupayaan koperasi pelbagai perkhidmatan menerusi inisiatif seperti sewaan mesin dobi dan jubah konvokesyen, yang berjaya menambah sumber pendapatan koperasi secara mampan.

Kisah-kisah ini membuktikan bahawa dengan kepimpinan yang berwibawa, pengurusan yang telus, dan semangat keusahawanan yang tinggi, koperasi sekolah mampu

menjadi landasan transformasi ekonomi yang sebenar bagi anggotanya, khususnya para pelajar yang bakal menjadi usahawan dan pemimpin masa depan.

Majalah Tunas Gagasan ini juga diterbitkan sebagai salah satu inisiatif SKM untuk memberikan pendedahan, memupuk semangat berkoperasi, dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan warga sekolah. Ia diharap dapat menjadi pemangkin kepada jaringan kerjasama antara koperasi sekolah serta memperkukuh peranan koperasi dalam menyokong agenda pembangunan negara.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga koperasi sekolah, guru penasihat, ahli lembaga koperasi, dan para pelajar yang terus berusaha memartabatkan gerakan koperasi di peringkat akar umbi. Teruskan kecemerlangan dan semangat inovasi dalam membawa koperasi sekolah ke tahap yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**“Koperasi Sekolah:
Menanam Akar,
Menuai Kejayaan”**

Yang Ikhlas,

*Noor Afifah Binti
Abdul Razak*

**Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia**





Mengangkat Inovasi, Memacu Hala Tuju: Tonggak Kejayaan Koperasi SMK Agama Kuala Lumpur Berhad

Oleh: Noratikah Binti Nasharuddin

KOPERASI sekolah bukan sekadar ruang jual beli tetapi medan pembelajaran pelajar dalam mengenal erti pengurusan, kepimpinan dan keusahawanan. Begitulah besarnya peranan dimainkan Koperasi SMK Agama Kuala Lumpur (SMKAKL) Berhad, sebuah koperasi yang bukan sahaja menyediakan perkhidmatan kepada warga sekolah malah turut menjadi inspirasi kepada koperasi lain di seluruh negara.

Berkat sokongan berterusan daripada pengurusan SMKAKL khususnya Pengetua, Ustaz Wan Jamaludin Wan Bidin, koperasi ini berjaya melakar sejarah menduduki tempat kedua terbaik dalam kalangan 100 Koperasi Sekolah Terbaik Malaysia 2025.

Bak kata pepatah 'yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang', dan hasil kejayaan ini banyak disumbang oleh barisan Anggota Lembaga Koperasi yang dibimbing oleh guru-guru yang sangat berbakat dan berdedikasi dalam memastikan setiap aktiviti menyumbang kepada keuntungan.

Latar belakang sekolah dan matlamat koperasi

SMKAKL ditubuhkan 1 Januari 1988 hasil inisiatif Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) bagi memenuhi hasrat ibu bapa di sekitar Kuala Lumpur untuk mendapatkan pendidikan berteraskan Islam. Bangunan rasmi sekolah di Bandar Menjalara, Kepong siap pada Oktober 1993, dan sesi pengajaran serta pembelajaran bermula 2 Januari 1994, menandakan permulaan pendidikan Islam bersepadu di ibu kota.

Kemudian koperasi sekolah ditubuhkan pada 24 Jun 1998 dengan tujuan untuk menyokong kebajikan ahli dan warga sekolah. Koperasi ini berfungsi menyediakan pelbagai keperluan pelajar dan guru. Visi dan misi utama adalah untuk membentuk pelajar bijak, berdikari serta mampu menguruskan organisasi dengan baik sambil menyokong kecemerlangan akademik dan sahsiah.





Terkenal dengan kehebatan kumpulan nasyid sekolah sekitar Kuala Lumpur serta pernah menjadi johan pertandingan di peringkat antarabangsa 'Dai Voice ASEAN 2024'. Meskipun jumlah pelajar sekitar 600 orang, koperasi SMKAKL berjaya membuktikan keupayaan luar biasa apabila merekodkan perolehan RM1.6 juta pada 2024. Perolehan itu adalah hasil sumbangan 24 aktiviti perniagaan koperasi yang membabitkan peruncitan, sewaan parkir berbumbung serta perkhidmatan pengendalian kursus dan tuisyen.

Tawar pelbagai perkhidmatan

Antaranya:

- penjualan keperluan asrama, buku, alat tulis, makanan dan minuman;
- perkhidmatan dobi, fotostat, binding, photo studio;
- pengangkutan bas sekolah, ejen perkhidmatan bank (BSN & Agro Bank);
- tempahan pakaian rasmi sekolah, sewaan parkir berbumbung; dan
- peralatan sukan serta perkhidmatan gunting rambut.

Tarikan utama koperasi ialah foto studio yang diwujudkan hasil inspirasi daripada cabaran mengumpul gambar untuk majalah sekolah. Kini, ia bukan sahaja dimanfaatkan pelajar dan guru tetapi turut digunakan untuk program JPWP, Pejabat Pendidikan Daerah dan swasta.

Selain itu, koperasi turut menyediakan tempahan pakaian rasmi sekolah, sewa parkir berbumbung, peralatan sukan serta perkhidmatan gunting rambut yang memberi nilai tambah kepada komuniti sekolah.

Penglibatan pelajar dan manfaat

Lebih menarik, pelajar SMKAKL terlibat secara langsung dalam pengurusan koperasi. Ini bukan sahaja memberi peluang mempraktikkan ilmu keusahawanan malah membina keyakinan, disiplin dan daya kepimpinan.





Dalam era digital, koperasi juga selangkah ke hadapan melalui jualan tanpa tunai, mesin pengeluaran wang tunai serta penggunaan kod QR untuk transaksi. Inovasi ini berjaya mengurangkan masalah keciciran wang kalangan pelajar serta memudahkan urusan jual beli harian.

Program dan jaringan strategi

Kejayaan koperasi turut diperkukuhkan melalui penganjuran seminar akademik, bengkel menjawab soalan peperiksaan dan program penanda aras serta pengantarabangsaan. Program sebegini memberi manfaat kepada pelajar dalam bentuk pendedahan, keyakinan berkomunikasi serta peluang bertukar ilmu bersama koperasi sekolah lain.

Kerjasama strategik dengan agensi luar khususnya Agro Bank dan BSN, telah memperkukuh kedudukan koperasi sebagai ejen sah perbankan. Hubungan erat dengan PIBG serta sokongan penuh pihak sekolah turut menjadi faktor utama kejayaan koperasi ini.

Pengiktirafan dan amalan terbaik

Disebabkan kegigihan ini, koperasi berjaya menduduki tempat kedua Indeks Koperasi Sekolah Terbaik 2025. Kejayaan ini lahir daripada perancangan teliti, kerjasama erat antara guru, murid dan PIBG serta keberanian melaksanakan inisiatif inovatif.

Amalan terbaik yang diamalkan termasuk perancangan rapi setiap program, pembinaan jaringan luar serta usaha mengekalkan kepercayaan warga sekolah melalui perkhidmatan berkualiti.

Hala tuju masa depan koperasi

Koperasi berhasrat memulakan sub-aktiviti perkhidmatan seperti berikut:

- Menawarkan perkhidmatan servis kenderaan (tukar ganti minyak hitam dan penapis udara) kepada guru di sekolah dengan kerjasama pihak luar.
- Memperkenalkan projek *chrome book* kepada pelajar tingkatan 5 sebelum diperluaskan kepada pelajar tingkatan lain. Ianya bertujuan membantu guru dan pelajar menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Projek ini masih pada tahap kajian.

Kesimpulannya, Koperasi SMKAKL Berhad bukan sahaja sebuah kedai koperasi biasa tetapi sebuah institusi pendidikan tidak formal yang membentuk sahsiah dan kemahiran pelajar. Inovasi, jaringan strategik serta sokongan padu semua pihak menjadi kunci kepada kejayaan koperasi sebagai model rujukan kepada koperasi sekolah lain di seluruh Malaysia. 🌟



Koperasi SMK Bandar Banting Berhad Miliki Bas Secara Tunai

Oleh: Ahmad Najmi Bin Ahmad Puat

DIDAFTARKAN pada 18 Februari 2002, Koperasi SMK Bandar Banting Berhad (KOB) bermula sebagai sebuah inisiatif kecil berasaskan surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Koperasi ini pada awalnya menumpang di bangunan SK Kanchong Tengah sebelum berpindah ke lokasi tetap di Persiaran Majlis, Banting. Sejak itu, KOB terus melakar sejarah yang membanggakan. Bermula dengan membuka kedai buku hingga memiliki bas koperasi yang dirasmikan pada 2019.

Visi dan misi

KOB meletakkan sasaran tinggi untuk tersenarai dalam 100 koperasi terbaik di Malaysia serta menjadi koperasi sekolah terbaik di daerah Kuala Langat. Dengan misi memperkasa ekonomi anggota, meningkatkan taraf hidup, serta memberi impak positif kepada komuniti setempat, koperasi ini konsisten melaksanakan aktiviti berimpak tinggi yang memberi manfaat secara menyeluruh.

Aktiviti dan perkhidmatan

Sepanjang penubuhan koperasi ini, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk:

- Peruncitan – Kedai koperasi menjual buku tulis, alat tulis, pakaian sukan, makanan berbungkus serta buah-buahan segar bagi memupuk gaya hidup sihat.
- Kedai buku dan percetakan – menyediakan khidmat fotostat, cetakan dan laminasi untuk kegunaan pelajar serta guru.
- Pengangkutan – perkhidmatan sewaan bas koperasi yang menjadi kebanggaan warga sekolah.
- Produk kreatif – penghasilan *keychain crochet* dan *epoxy* buatan tangan pelajar yang mendapat sambutan hangat.
- Tempahan hamper – hamper makanan dan buah berkualiti, murah dan menarik, dengan pelanggan dari sekolah, institusi serta komuniti luar.
- Pembelian ansuran – memudahkan ahli mendapatkan barangan penting tanpa beban kewangan mendadak.





Pendapatan meningkat

Dengan aktiviti perkhidmatan yang baharu, KOBB berjaya melonjakkan pendapatan koperasi sehingga RM668 ribu dengan aktiviti perkhidmatan yang baharu melalui pembelian bas secara tunai. Ternyata percaturan pembelian bas berharga RM100 ribu ini adalah langkah tepat dalam membantu koperasi melonjakkan pendapatan koperasi. Pemilikan bas ini turut membantu koperasi untuk pulih daripada kesan pasca COVID19.

Pengerusinya, Encik Rosli bin Saderi berkata, “pada awalnya koperasi hanya meraih pendapatan sekitar RM200 ribu melalui bas yang dibeli hanya bas terpakai dan mempunyai jaminan (*warranty*) selama dua tahun. Bagaimanapun, koperasi komited untuk memastikan bas ini dapat memberi keselesaan kepada penumpang”.

Antara alternatifnya adalah dengan menukar 40 tempat duduk yang baharu serta mengubah corak dan warna bas kepada lebih menarik. Pihak koperasi turut melabel nama koperasi di bahagian badan bas. Ternyata, dengan perubahan ini menyebabkan hampir setiap minggu KOBB mendapat permintaan tinggi samada dari dalam dan luar terhadap penggunaan bas.

Keunikan dan kejayaan

Pada masa sama, koperasi juga sentiasa menyemai budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan melibatkan mereka dengan aktiviti kokurikulum yang berkait dengan bakat serta kemahiran menjual dan penghasilan produk kraftangan. Bagi meningkatkan daya saing yang sihat dalam diri pelajar, koperasi turut aktif menyertai pelbagai pertandingan yang melibatkan keusahawanan sama ada di peringkat negeri mahupun antarabangsa. Ia sebagai pendedahan kepada pelajar dengan budaya inovasi dan kreativiti melalui pertandingan yang kompetitif itu.

Kejayaan KOBB tidak terletak pada angka semata-mata, tetapi kreativiti dan semangat inovatif ahlinya. Produk



keychain crochet misalnya, lahir daripada pertandingan Youth Entrepreneur Strive For Success (YESS) anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Ia bukan sahaja meningkatkan daya kreativiti pelajar malah menjadikan koperasi lebih dekat dengan jiwa remaja. Begitu juga dengan perkhidmatan hamper yang muncul daripada cadangan guru. Kini, ia menjadi pilihan pelanggan luar kerana kualiti dan kecekapan yang ditawarkan. Semangat anggota koperasi dalam mempelbagaikan corak dan patern produk turut menjadi penyumbang kepada kejayaan ini.

Strategi dan pengurusan

KOBB juga bijak menyesuaikan diri dengan era digital melalui kaedah pembayaran tanpa tunai, pemasaran menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* serta pengurusan kewangan yang teliti berasaskan Undang-Undang Kecil koperasi. Kerjasama erat antara ahli lembaga koperasi (ALK), guru dan pelajar memastikan kelangsungan aktiviti berjalan lancar meskipun berdepan cabaran. Bijak dalam menggunakan peluang yang ada, koperasi menggunakan aplikasi *WhatsApp* yang digunakan sepenuhnya dalam aktiviti penjualan produk di kalangan guru sekolah.



Koperasi memupuk bakat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Harapan dan inspirasi

Perancangan jangka pendek koperasi adalah untuk memperkembangkan aktiviti peruncitan agar lebih banyak inventori boleh dibawa masuk dengan mengoptimalkan penggunaan ruang dalam kedai serta cuba mengaplikasikan teknologi terkini dengan permintaan dalaman SMK Bandar Banting.

KOBB percaya koperasi sekolah adalah medan terbaik melatih pelajar menjadi celik kewangan, berfikiran kreatif dan berdaya saing. KOBB terus komited melahirkan generasi muda yang mampu membawa budaya keusahawanan ke tahap lebih tinggi. 🌱



Koperasi SMK Bandar Tasik Puteri Rawang Berhad: Legasi Keusahawanan Sekolah ke Peringkat Gemilang

Oleh: Siti Dalila Binti Badrishah

KOPERASI Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasik Puteri (SMKBTP) Rawang Berhad, ditubuhkan pada 7 September 2007, telah membuktikan koperasi sekolah mampu menjadi ejen perubahan ekonomi dan sosial yang hebat.

Sejak awal penubuhan di bawah pimpinan Pengetua Datin Sabrina binti Sulaiman, koperasi ini berpegang teguh kepada visi 'menjadi koperasi yang dapat memberi manfaat kepada warga SMKBTP'.

Misi mereka jelas iaitu melahirkan insan berdaya saing, berdisiplin dan berjiwa keusahawanan. Kini, selepas 18 tahun beroperasi, koperasi ini telah berkembang menjadi antara koperasi sekolah terbaik di Selangor dan berada di Indeks Koperasi Sekolah Terbaik Peringkat Kebangsaan 2025. Koperasi ini mempunyai keanggotaan seramai 2,146 orang dan dua pekerja tetap.

Apa yang menjadikan koperasi ini begitu kuat adalah kepelbagaian aktiviti perniagaan yang dijalankan. Bermula dengan kedai koperasi yang menyediakan barangan harian, alat tulis dan keperluan pelajar, perniagaan mereka turut merangkumi aktiviti bernilai tinggi seperti jualan emas dan perabot. Pendekatan ini bukan sahaja memenuhi keperluan warga sekolah tetapi turut membuka peluang untuk menjana keuntungan yang mapan.

Menariknya, jualan emas dan perabot ditawarkan khusus kepada guru, staf sokongan dan ahli koperasi. Pembelian dilakukan secara ansuran selama 10 bulan dengan kawalan ketat bagi memastikan kualiti dan ketulenan produk sentiasa terjaga.

Justeru itu, kejayaan mereka bukan hadir secara kebetulan tetapi hasil daripada strategi pemasaran yang kreatif dan usaha berterusan dalam mengekalkan kepercayaan pelanggan.

Selain menjalankan perniagaan, koperasi juga aktif dalam menyediakan pakej pelancongan dalam dan luar negara. Dari



Turkiye ke Vietnam, setiap lawatan yang dianjurkan bukan sekadar percutian biasa tetapi menjadi medan pembelajaran yang membuka minda pelajar dan guru. Hubungan antara ahli juga semakin kukuh melalui pengalaman berharga ini.

Koperasi SMK Bandar Tasik Puteri Rawang Berhad sedar bahawa zaman berubah pantas. Mereka telah memperkenalkan mesin layan diri dan kaedah pembayaran tanpa tunai (QR Pay), menjadikan urusan pembelian lebih mudah dan pantas. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan jualan malah mengajar murid tentang penggunaan teknologi dalam perniagaan sebenar.

Café D'Putri pula menjadi tumpuan warga sekolah untuk mendapatkan makanan dan minuman segar, manakala penyewaan loker dan tempat letak kereta memberikan pendapatan tambahan yang konsisten.

Tahun 2024 menjadi saksi kepada pelbagai pengiktirafan yang diterima:

- Tempat kedua Anugerah Koperasi Sekolah Terbaik Selangor;
- Pingat Perak Pembentangan Amalan Terbaik Selangor; dan
- Penyertaan dalam Pertandingan *Young Entrepreneurs Strive for Success (YESS)*.

Pencapaian ini membuktikan pengurusan yang sistematik, kepimpinan yang berwibawa dan penglibatan aktif ahli dalam setiap program.

Bagi koperasi ini, keuntungan bukan satu-satunya ukuran kejayaan. Sumbangan melalui Tabung Kebajikan Am dan Tabung Pendidikan membuktikan komitmen mereka terhadap kebajikan ahli. Antara inisiatif dilaksanakan termasuk:



Mesin layan diri menawarkan produk makanan dan minuman yang berkhasiat pada harga berpatutan.

- Sumbangan Aidilfitri kepada murid B40 dan pekerja am;
- Tajaan sarapan pagi kepada 530 calon SPM;
- Pembelian Smart Board TV bernilai RM11,918 untuk kegunaan guru dan murid; dan
- Pembinaan pagar utama sekolah dan galeri piala kecemerlangan murid.

Selain itu, koperasi juga menaja anugerah kecemerlangan akademik dan kokurikulum, memberi motivasi kepada pelajar untuk terus cemerlang.

Seperti perniagaan lain, koperasi tetap berdepan cabaran. Daripada persaingan harga sehingga memastikan kualiti produk sentiasa terjamin. Namun, dengan perancangan rapi, mereka bercadang memperluaskan skop perniagaan emas dan perabot serta menambah destinasi pelancongan baharu yang lebih menarik.

Pengerusi Koperasi, Siti Azlina binti Saari optimis bahawa kejayaan adalah hasil usaha bersama semua pihak sama ada ahli lembaga, guru, pelajar dan komuniti. "Kami akan terus berinovasi dan memastikan setiap ahli mendapat manfaat optimum daripada koperasi ini", katanya.

Koperasi SMK Bandar Tasik Puteri Rawang Selangor Berhad adalah bukti bahawa koperasi sekolah mampu berperanan besar dalam membentuk budaya keusahawanan, menyemai nilai kerjasama dan memberi impak positif kepada komuniti.

Dengan strategi yang tepat, semangat kerja berpasukan dan fokus terhadap inovasi, koperasi ini pasti akan terus melangkah jauh sebagai contoh terbaik kepada koperasi sekolah di seluruh Malaysia.



Transformasi Koperasi Sekolah: Dari RM500 ke Pendapatan Hampir RM1 Juta - Koperasi SM Meru Klang

Oleh: Siti Linaliyana Binti Alauddin

“Kejayaan bukan hadir secara kebetulan. Ia hasil perancangan, kerja berpasukan dan keberanian mencuba perkara baharu”. Inilah kisah kejayaan luar biasa Koperasi Sekolah Menengah (SM) Meru Klang Berhad, yang membuktikan apabila koperasi diurus dengan integriti dan komitmen bersama, mampu mencipta kejayaan luar jangkaan.

Koperasi ini bukan sahaja menjana pendapatan hampir RM1 juta setahun, malah tersenarai dalam Indeks Koperasi Sekolah Terbaik Peringkat Kebangsaan 2025 dan menduduki tangga ke-14. Pencapaian membanggakan ini adalah hasil usaha yang panjang dalam membina sistem yang cekap dan moden berteraskan manfaat bersama.

Koperasi ini ditubuhkan pada 28 Oktober 1985 dengan modal permulaan hanya RM500. Bermula secara sederhana dalam ruang kecil serta kemudahan asas yang terhad. Namun, segala kekangan itu tidak mematahkan semangat untuk berkembang maju.

Transformasi besar berlaku pada Disember 2021 apabila koperasi menjalani proses naik taraf menyeluruh, menghasilkan sebuah premis baharu lengkap dengan tiga kaunter perkhidmatan utama dan ruang pejabat yang lebih selesa dan kondusif serta baik untuk pelanggan mahupun kakitangan pengurusan.



Dengan jumlah pelajar melebihi 4,000 orang, operasi koperasi berjalan sangat aktif, terutamanya pada musim pendaftaran pelajar baharu dan jualan buku. Jualan harian boleh mencecah RM1,000, menjadikan koperasi antara komponen penting dalam ekosistem sekolah.

Setiausahanya, Rosnah Zakaria berkata, “koperasi bukan sekadar menjual barang malah turut menawarkan penyelesaian kepada keperluan harian warga sekolah. Ia meliputi pakaian rasmi, buku kerja, alat tulis sehingga perkhidmatan cetakan dan laminasi. Selain itu, makanan yang dijual turut mematuhi garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sebagai langkah memastikan kebajikan pelajar sentiasa diutamakan.”

Tahun 2024 menjadi kemuncak Koperasi SM Meru Klang Berhad apabila mencatatkan jumlah jualan keseluruhan RM901,845.92, dengan keuntungan kasar RM229,025.70. Ini sekaligus mencatat keuntungan bersih RM191,952.62.

Menurut Bendahari Koperasi, Nor Azlina binti Md Yaakub, pencapaian itu adalah hasil kerjasama seluruh komuniti sekolah, termasuk bimbingan dan kepercayaan penuh daripada Pengetua, Haji Mohd Hijazi Mohd Harawi.

Beliau menjadi antara tunjang yang membina asas kukuh koperasi terus berkembang. Turut menjadi



Komitmen dan sokongan padu Pengetua, Tuan Haji Mohd Hijazi Mohd Harawi, menjadi pemangkin kejayaan Koperasi SM Meru Klang Berhad.



pemangkin adalah komitmen berterusan guru, pekerja koperasi dan pelajar yang bersama-sama menyumbang tenaga demi kejayaan berkenaan.

Selain daripada fungsi utama sebagai kedai sekolah, koperasi turut memainkan peranan sebagai penyokong utama pelbagai program anjuran sekolah seperti Hari Sukan, Hari Koperasi dan Karnival STEM. Pembabitin koperasi dalam aktiviti sebegini mengukuhkan hubungan dengan komuniti sekolah dan membuktikan ia bukan sekadar sebuah entiti perniagaan, tetapi sebahagian daripada nadi pembangunan sahsiah pelajar secara bersama.

Dalam masa yang sama, koperasi turut menyediakan barangan cenderahati untuk pelbagai acara rasmi seperti tuala muka dan tuala mandi. Strategi operasi koperasi pula berpaksikan perkhidmatan pelanggan yang mesra dan cekap, pengurusan stok yang rapi, penetapan harga yang sesuai untuk semua lapisan pelanggan serta susun atur kaunter yang efisien bagi memudahkan urusan harian.

Menyedari keperluan bergerak seiring dengan arus digital, koperasi telah memperkenalkan sistem bayaran tanpa tunai melalui penggunaan Kod QR atau dalam talian. Kini, koperasi bekerjasama dengan Bank Rakyat dalam menjayakan Program *Cashless* Sekolah yang bertujuan mempercepatkan urusan jual beli dan mengurangkan kebergantungan kepada wang tunai. Musim jualan buku yang lazimnya sibuk menjadi lebih lancar apabila pelajar hanya perlu mengimbas dan menerima resit serta merta.

Koperasi SM Meru Klang Berhad juga mengamalkan tanggungjawab sosial yang tinggi melalui pendekatan 'kembali kepada komuniti'. Setiap keuntungan yang dijana tidak hanya disimpan sebagai modal pusingan tetapi diagih semula kepada warga sekolah melalui tujuh tabung khas yang diwujudkan khusus untuk tujuan kebajikan dan pembangunan.

Ini termasuk Tabung Kebajikan, Tabung Pendidikan, Tabung Lawatan, Tabung Keraian, Tabung Keceriaan,

Tabung Sumbangan Kecemasan dan Tabung Dividen Ahli. Sekurang-kurangnya RM15,000 setahun diperuntukkan bagi mempertingkatkan kemudahan fizikal sekolah serta membantu pelajar yang kurang berkemampuan dan keluarga warga sekolah yang berdepan musibah. Pendekatan ini menunjukkan koperasi bukan hanya bermatlamat keuntungan tetapi prihatin terhadap kesejahteraan komuniti sekolah secara menyeluruh.

Ironinya, kejayaan yang dicapai bukan tanpa cabaran. Koperasi turut berdepan tekanan harga daripada kedai luar sekolah yang menawarkan harga lebih murah, di samping kekangan mematuhi garis panduan ketat KPM terutamanya berkaitan jenis makanan dan minuman yang boleh dijual. Dalam masa sama, guru-guru yang terlibat dalam pengurusan koperasi juga perlu mengimbangi tugas hakiki mereka sebagai pendidik dengan tanggungjawab pentadbiran koperasi. Begitupun, semua cabaran berkenaan berjaya dihadapi dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi, komunikasi terbuka serta pengurusan masa dan sumber yang efisien.

Kejayaan koperasi boleh menjadi inspirasi kepada koperasi sekolah lain di negara ini. Ia membuktikan bahawa koperasi sekolah bukan hanya ruang jual beli tetapi medan pendidikan keusahawanan, latihan kepimpinan dan pembangunan komuniti yang sebenar. Dengan pengurusan cekap, nilai integriti yang tinggi serta komitmen untuk terus berinovasi dan berubah, koperasi ini bukan sahaja menjana pendapatan tinggi, malah berfungsi sebagai agen perubahan positif komuniti sekolah.

Koperasi SM Meru Klang Berhad menitipkan pesanan penting kepada semua koperasi sekolah iaitu 'fahami keperluan ahli, urus dengan telus dan berani berubah serta mencuba perkara baharu. Koperasi bukan sekadar menjual barang tetapi tempat kita mendidik, menyumbang dan mencipta impak sebenar dalam komuniti'.



Revolusi Pendapatan Koperasi Sekolah – Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad

Oleh: Mohd Saiful Abidin Bin Mohd Room

KOPERASI sekolah sebagai entiti ekonomi yang berpaksikan keanggotaan memiliki peranan penting dalam memperkukuhkan ekonomi bagi menyokong keperluan pelajar, kakitangan, serta komuniti sekolah.

Ditubuhkan pada 25 Mei 1988, Koperasi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Klawang Berhad berhasrat mencapai pendapatan sehingga tujuh angka dengan strategi mempelbagaikan sumber pendapatan koperasi sekaligus memberi manfaat ekonomi kepada anggotanya mahupun sekolah.

Mengimbas kembali 2018, Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad telah berjaya menghasilkan satu inovasi produk kesihatan dengan nama 'ZeppCool' yang dapat membantu mengurangkan suhu kepanasan badan. Produk ini sama seperti 'Cool Fever' yang berada di pasaran. ZeppCool berbeza dengan keluaran lain kerana dihasilkan melalui bahan semulajadi. Produk ini telah mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan NOT 170901341K. Ia telah dipertandingkan semasa Konvensyen *Young Entrepreneur Strive for Success* (YESS) peringkat Negeri Sembilan dan berjaya meraih gelaran juara serta mendapat tempat ketiga di peringkat kebangsaan.

Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad juga menawarkan tiga jenis perkhidmatan dobi yang berbeza iaitu dobi wajib kepada pelajar, dobi layan diri dan dobi menggunakan kad prabayar kepada pelanggannya. Dengan tiga jenis perkhidmatan ini, ia memberi pilihan kepada pelanggannya khusus kepada komuniti yang tinggal di asrama.

Perkhidmatan dobi wajib kepada pelajar yang tinggal di asrama pada kadar bayaran RM10 sebulan dan perkhidmatan dua kali seminggu ini memudahkan pelajar untuk menjaga kebersihan pakaian serta dapat menjimatkan masa pelajar tanpa perlu menguruskan cucian sendiri.

Perkhidmatan dobi layan diri ini membolehkan pelajar dan komuniti asrama mencuci pakaian mereka sendiri menggunakan mesin basuh dan mesin pengering yang disediakan dengan bayaran RM4.00 setiap cucian dan RM4.00 setiap pengeringan.

Koperasi memperoleh pendapatan daripada sewaan tapak sebanyak RM360 sebulan bagi enam unit mesin basuh dan mesin pengering.

Perkhidmatan dobi menggunakan kad ini melibatkan sistem prabayar dengan pelanggan perlu membeli kad prabayar RM15.50 untuk membayar perkhidmatan dobi di kawasan asrama. Perkhidmatan ini disediakan oleh pembekal luar, manakala koperasi hanya menerima pendapatan 35 peratus hasil jualan kad prabayar.

Selain itu, koperasi tidak hanya tertumpu kepada satu aktiviti perniagaan sebaliknya Koperasi MRSM





Kedai Koperasi dibanjiri pelajar sekolah pada waktu puncak.



Kuala Klawang Berhad turut menjalankan aktiviti perniagaan kedai koperasi. Kedai berkenaan menjual barang keperluan pelajar.

Aktiviti sewaan tapak mesin layan diri (*vending machine*), sewaan jubah konvokesyen, sewaan kafetaria dan sewaan bas turut menjadi penyumbang kepada pendapatan koperasi ini.

Kini, koperasi juga menceburi bidang perniagaan mesin layan diri dengan menjual makanan dan minuman yang diletakkan di kawasan kelas pelajar. Pendapatan bagi aktiviti perniagaan ini merekodkan lebih RM35 ribu bagi tahun pertama.

Koperasi juga berhasrat memperluaskan perniagaan dengan membeli tiga lagi mesin layan diri untuk meningkatkan pendapatan koperasi sehingga mencapai RM1 juta setahun. Pendapatan koperasi sekolah ini boleh dibanggakan kerana pendapatan yang direkodkan bagi tahun 2023 adalah lebih RM890 ribu.

Ironinya, koperasi sekolah mempunyai potensi besar untuk memanfaatkan pelbagai sumber pendapatan. Dengan strategi yang sesuai dan pengurusan cekap, koperasi dapat menyokong keperluan ekonomi anggotanya dan juga menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi komuniti tempatan secara keseluruhan.

Jika koperasi sekolah dapat diuruskan dengan baik maka hasil yang diperolehi pasti memberangsangkan. Dengan mempelbagaikan sumber pendapatan, Koperasi MRSM Kuala Klawang Berhad dilihat akan dapat meningkatkan kelestarian dan ketahanan mereka dalam jangka masa panjang. 🌱



SuruhanjayaKoperasiMalaysia



PODCAST "OH GITU!"

MENYINGKAP DUNIA KOPERASI SECARA SANTAI & BERMAKNA!

Terbitan rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), podcast ini membawa anda menyelami isu-isu semasa, inspirasi kejayaan koperasi, dan wawancara eksklusif bersama tokoh industri.



episod 1

TAJUK: ISU HARTANAH GERAKAN KOPERASI

**TETAMU JEMPUTAN: ENCIK AIZAC ISMAIL
(PENGURUSI KOPERASI ANNADI BERHAD)**



episod 2

TAJUK: SKANDAL, SIAPA MAKAN DUIT KOPERASI?

**TETAMU JEMPUTAN: ENCIK MOHD RIDUAN TOHA
(BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN)**



episod 3

**TAJUK: TMP SKM DAH MOHON,
KENAPA SUSAH NAK LULUS?**

**TETAMU JEMPUTAN: PUAN ROSHIDAH BINTI ABU BAKAR
(PENGARAH BPKK)**



episod 4

**TAJUK: DARI KOPERASI KAMPUNG KE INSTITUSI
DENGAN ASET RM7.7 BILLION!!**

**TETAMU JEMPUTAN: DATUK BAHAROM BIN EMBI
(PENGURUSI CBP)**



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/SuruhanjayaKoperasi)